

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HSL 332 – Kertas Khas Sejarah Dunia Barat

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Jelaskan hujah-hujah utama A.J.P. Taylor mengenai asal-usul Perang Dunia Kedua di Eropah dalam buku beliau *Origins of the Second World War* (1961)? Sejauhmanakah anda bersetuju dengan Taylor?
2. Sejauhmanakah anda bersetuju bahawa Perang Pasifik telah dipaksakan oleh Amerika Syarikat ke atas Jepun?
3. Menjelang awal 1947, Perang Dingin telah pun wujud di antara Amerika Syarikat dan Soviet Union. Jelaskan mengapa dan bagaimana keadaan itu telah wujud di antara dua buah kuasa tersebut.
4. Jelaskan bagaimana Perang Dingin di Asia berbeza dengan Perang Dingin di Eropah.
5. Dengan merujuk khusus kepada Hiroshima dan Nagasaki (Ogos 1945) **atau** Krisis Missile Cuba (Oktober 1962), jelaskan apa yang dimaksudkan dengan diplomasi nuklear.
6. “Detente sebenarnya merupakan satu lagi taktik Amerika Syarikat untuk membendung Soviet Union.” Bincangkan.

7. Huraikan tafsiran Karl von Clausewitz mengenai 'perang'. Sejauhmanakah tafsiran beliau memadai untuk menggambarkan Perang Dingin.
8. Nilaiikan secara kritis filem "Thirteen Days" daripada segi kesahihan fakta sejarah.

--oo000oo-